

Warga APM perlu pikul tugas dengan gigih

UB 31.3.2018 B2

MAJLIS Perhimpunan Bulanan Peringkat Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan (APM WP Labuan) telah berlangsung di Dewan

Kuliah Utama Institut Latihan Perindustrian Labuan (ILP Labuan), baru-baru ini.

Majlis ini telah disempurnakan oleh



Lt. Kol. (PA) Profesor Madya Dr. Hajah Norazah menerima sijil penghargaan.

Timbalan Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Negeri Wilayah Persekutuan Lt. Kol. (PA) Mohd Zahri Abdul Aziz, selaku wakil Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Negeri Wilayah Persekutuan, Kol. (PA) Md Anuar Jasmin.

Turut hadir Mejah (PA) Zico Sual (Pegawai Pertahanan Awam Daerah Wilayah Persekutuan Labuan), Lt. Kol. (PA) Profesor Madya Dr. Hajah Norazah Mohd Suki (Pegawai Bersekutu Pasukan Siswa Angkatan Pertahanan Awam Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL)), wakil Pengarah ILP Labuan, anggota Pasukan Siswa APM UMSKAL dan anggota Pasukan Institut Pertahanan Awam ILP.

Mohd Zahri dalam ucapannya menyeru semua warga APM Labuan agar memartabatkan APM ke arah menjadi sebuah organisasi berprestasi tinggi, diberkati, dan mencapai

matlamatnya untuk terus cemerlang selaku sekretariat pengurusan bencana dan keselamatan di WP Labuan dengan memberikan perkhidmatan yang terbaik bagi kesejahteraan seluruh rakyat dan negara.

Sempena majlis perhimpunan ini, penyampaian sumbangan Dana Kasih Sayang Pertahanan Awam (DASPA) turut diberikan kepada L/KPL. (PA) Mohamad

Abdullah.

Selain daripada itu, penyampaian sijil '1 Keluarga, 1 APM' diserahkan kepada 11 buah keluarga yang terpilih.

Penghargaan turut diberikan kepada warga APM WP Labuan yang cemerlang seperti Anugerah Pekerja Terbaik Bulanan, Sijil Penghargaan kepada Anggota Skim Keselamatan dan Pertahanan, Anggota Skim Gunasama

Perkeranian, Anggota Sukarela Tugas Pejabat, Anggota Sukarela Tugas Operasi, dan Anggota Sukarela Pertahanan Awam.

Di samping itu, sijil penghargaan turut disampaikan kepada Lt. Kol. (PA) Profesor Madya Dr. Hajah Norazah Mohd Suki selaku Pegawai Bersekutu Pasukan Siswa APM UMSKAL dan Pengarah ILP Labuan, Abdullah Muhamad atas

jasa khidmat bakti terhadap program latihan APM di institusi pendidikan tinggi tersebut.

Melalui majlis perhimpunan ini, seluruh warga APM WP Labuan diberikan kata-kata semangat untuk sentiasa gigih dan komited dalam melaksanakan setiap arahan dan tugas yang diamanahkan dengan jayanya tanpa mengira masa dan situasi.



ANGGOTA Pasukan Siswa APM UMSKAL ceria memikul tanggungjawab kesukarelawanan.